

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Pengenalan

1. Notis Perlindungan Data Peribadi ini menerangkan bagaimana Portal *Short-Term Employment Programme* (MySTEP) menggunakan data peribadi pemohon yang memohon untuk menyertai MySTEP.
2. Kerajaan, syarikat badan berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta rakan strategik yang terlibat dengan inisiatif MySTEP amat komited untuk memastikan data peribadi diproses dengan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*].
3. Notis ini adalah berkaitan dengan data peribadi yang dikongsi oleh pemohon bagi menyertai MySTEP secara sukarela dengan Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC dan rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP.

Tujuan Notis

4. Notis ini dikeluarkan kepada mana-mana orang yang berhasrat untuk menyertai MySTEP dengan Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC dan rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP.

Tujuan Pemprosesan Data Peribadi

5. Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC dan rakan strategik yang menyertai MySTEP hendaklah memproses data peribadi bagi tujuan yang berikut:
 - a) Menawarkan padanan penempatan pekerjaan berdasarkan pilihan pemohon;
 - b) Menilai kelayakan dan kebolehpasaran pemohon;
 - c) Mengesahkan butiran peribadi pemohon kerja;
 - d) Meningkatkan kualiti perkhidmatan;
 - e) Memberi maklumbalas ke atas sebarang soalan, cadangan dan aduan;
 - f) Mengumpulkan maklumat bagi tujuan analisa dan pelaporan kepada pihak berkuasa berkaitan;

- g) Menjalankan penyelidikan bagi tujuan analisis;
- h) Mengemaskini, mengumpul rekod dan memastikan ketepatan rekod di dalam Portal MySTEP; dan
- i) Apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan, perintah oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

Pendedahan Maklumat Peribadi

- 6. Jika pemohon memberikan data peribadinya kepada mana-mana pihak sama ada Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC atau rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP, pihak tersebut boleh berkongsi data peribadi tersebut di kalangan mereka (Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC atau rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP) yang turut menyediakan peluang penempatan pekerjaan di bawah inisiatif MySTEP.
- 7. Data peribadi tertentu yang berkaitan dengan pemohon mungkin perlu didedahkan kepada pihak ketiga, iaitu seperti yang berikut:
 - a) Mana-mana agensi berwibawa yang menghendaki Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP berbuat demikian menurut undang-undang;
 - b) Mana-mana pihak yang terlibat dalam atau berkaitan dengan prosiding undang-undang untuk tujuan prosiding undang-undang;
 - c) Agensi Kerajaan, badan berkanun lain yang tidak terlibat dengan MySTEP;
 - d) Kontraktor atau pembekal perkhidmatan yang dilantik bagi tujuan MySTEP; dan
 - e) Mana-mana orang yang dibenarkan menurut undang-undang.
- 8. Tertakluk kepada undang-undang, Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP akan hanya mendedahkan data peribadi yang berkaitan kepada pihak ketiga sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 7. Selanjutnya, Pemohon boleh, memaklumkan secara bertulis kepada Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan

strategik yang terlibat dengan MySTEP untuk mengehadkan penggunaan data peribadi pemohon tertakluk kepada undang-undang.

Keselamatan Data

9. Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP hendaklah mengambil langkah-langkah praktikal untuk melindungi data peribadi dan menjaga kerahsiaannya.
10. Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP hendaklah menyimpan dan memproses data pemohon dengan cara yang selamat dan memastikan tadbir urus yang bersesuaian serta memastikan bahawa perlindungan, keselamatan dan prosedur yang diambil adalah selaras dengan undang-undang untuk melindungi data peribadi itu daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan.
11. Jika Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP memberikan apa-apa data peribadi kepada mana-mana pihak ketiga, mereka hendaklah mengambil langkah yang praktikal untuk memastikan bahawa pihak ketiga itu sentiasa melindungi maklumat peribadi pemohon dan tidak menggunakan maklumat peribadi pemohon tersebut untuk apa-apa tujuan lain selain bagi maksud MySTEP.

Penyimpanan Data Peribadi

12. Selaras dengan seksyen 10 Akta 709, data peribadi yang diproses bagi maksud MySTEP tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan bagi memenuhi maksud itu. Segala data peribadi hendaklah dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika data peribadi itu tidak lagi dikehendaki bagi maksud MySTEP.

Hak Pemohon untuk Mengakses dan Membuat Pindaan kepada Data Peribadi

13. Pemohon hendaklah memastikan data peribadi yang diberikan kepada Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Sebarang perubahan terkini kepada data peribadi hendaklah dimaklumkan kepada Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP dengan segera.

14. Pemohon mempunyai hak untuk —

- a) memeriksa sama ada Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP memang atau menggunakan data peribadi pemohon dan memohon untuk mengakses data tersebut;
- b) memohon untuk meminda mana-mana Data Peribadi anda yang didapati tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini dan dibekalkan dengan sesalinan data peribadi yang terkini;
- c) memaklumkan secara bertulis apa-apa bantahan terhadap penggunaan data peribadi pemohon untuk apa-apa tujuan dan Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP tidak akan menggunakan data peribadi tersebut untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh pemohon; dan
- d) memaklumkan secara bertulis tentang penarikan balik sepenuhnya atau sebahagiannya persetujuan untuk perkongsian apa-apa data peribadi pemohon.

Pelbagai

15. Dengan membuat permohonan melalui Portal MySTEP, pemohon dianggap telah bersetuju untuk membenarkan Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP untuk mengumpul, merekod, memegang, menyimpan, memproses dan berurusan dengan data peribadi pemohon melainkan jika persetujuan untuk perkongsian apa-apa data peribadi ditarik balik di bawah subperenggan 14(d).

16. Kerajaan, syarikat badan berkanun, GLC serta rakan strategik yang terlibat dengan MySTEP boleh meminda terma-terma dalam Notis Perlindungan Data Peribadi ini pada bila-bila masa dengan meletakkan Notis Perlindungan Data Peribadi yang dikemas kini di laman web. Pemohon adalah tertakluk kepada apa-apa pindaan tersebut.

17. Jika terdapat sebarang pertanyaan, pemohon boleh menghubungi kami melalui talian telefon 03-8882 4666 atau e-mel kepada info.mystep@treasury.gov.my.